



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 20 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	WANITA MCA CALLS FOR EQUAL JOB OPPORTUNITIES FOR PEOPLE WITH DISABILITIES	
	https://focusmalaysia.my/wanita-mca-calls-for-equal-job-opportunities-for-people-with-disabilities/	FOCUSMALAYSIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	23 KELUARGA RH GENDANG, RH MAI TERJEJAS BANJIR TERIMA BANTUAN KIT MAKANAN KERING	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/19/23-keluarga-rh-gendang-rh-mai-terjejas-banjir-terima-bantuan-kit-makanan-kering	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	DEWI HAMAT DICARI UNTUK SELESAIKAN PENYERAHAN ANAK	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2024/01/cari-dewi-hamat-untuk-selesaikan-penyerahan-anak/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SARAWAK SASAR 99 PERATUS KANAK-KANAK DAPAT AKSES PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TAHUN INI: FATIMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/19/sarawak-sasar-99-peratus-kanak-kanak-dapat-akses-pendidikan-awal-kanak-kanak-tahun-ini	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	FORUM PEMERKASAAN WANITA BUKA MINDA PERANAN WANITA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA	
	https://www.bernama.com/bm/press/news.php?id=2263890	BERNAMA.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	SEDUTAN PROGRAM <i>THE BRIEF</i> BERNAMA TV 16 JANUARI 2024 : <i>CERVICAL CANCER AWARENESS MONTH 2024</i>	
	https://www.youtube.com/watch?v=abDGsge_j9w	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	JUAL BAYI: BEKAS PEMBANTU TADBIR DIHUKUM PENJARA LIMA TAHUN, DENDA RM90,000	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2263906	BERNAMA.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/19/wanita-jual-bayi-dipenjara-5-tahun-denda-rm90000/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/645251/berita/semasa/jual-bayi-bekas-pembantu-tadbir-dijel-lima-tahun-denda-rm90000	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/693719	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jual-bayi-bekas-pembantu-tadbir-dihukum-penjara-lima-tahun-denda-rm90000-454767	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/ibu-dua-anak-dipenjara-lima-tahun-dan-denda-rm80000-perdagang-bayi-13-bulan/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/19/bekas-pembantu-tadbir-jual-bayi-dijatuhi-lima-tahun-penjara-denda-rm90000/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://selangorkini.my/2024/01/jual-bayi-bekas-pembantu-tadbir-dipenjara-lima-tahun-denda-rm90000/	SELANGORKINI.MY
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/01/1202254/jual-bayi-rm22000-dan-palsu-dokumen-kelahiran-bekas-pembantu-tadbir	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/19/woman-jailed-for-5-years-fined-rm90000-for-baby-trafficking/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/19/in-kl-former-admin-assistant-jailed-six-years-fined-rm90000-over-sale-of-baby-boy/113383	MALAYMAIL.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

20/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	TUKANG URUT DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA HILANG	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/01/1052003/tukang-urut-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-hilang	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1202141/tukang-urut-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-hilang-di-hulu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/645184/berita/semasa/dua-beradik-hilang-tukang-urut-didakwa-amang-seksual	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beradik-hilang-tukang-urut-didakwa-amang-seksual-454717?	ASTROAWANI.COM
	https://malysiagazette.com/2024/01/19/remaja-hilang-tukang-urut-mengaku-tidak-bersalah-lakukan-amang-seksual/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/19/tukang-urut-didakwa-amang-seksual-remaja-16-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=isXxtqe-JCQ	YOUTUBE
	https://www.malysiakini.com/news/693693	MALYSIAKINI.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/tukang-urut-lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-remaja-16-tahun/	UTUSAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2024/01/amang-seksual-dua-beradik-lelaki-tukang-urut-berdepan-penjara-sebat/	SELANGORKINI.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=VVqejHemU7k	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=MGXNilYepjE	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=S6xGrAQIBM8	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

20/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	GURU DITAHAN LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP PELAJAR LELAKI	
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/19/guru-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar-lelaki/	KOSMO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/amang-seksual-4-pelajar-guru-ditahan-polis/	BULETINTV3.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/645233/video/berita-semasa-video/guru-lelaki-didakwa-cabul-murid	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/01/guru-lelaki-didakwa-amang-seksual-fizikal-anak-murid/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/01/1052064/guru-lakukan-amang-seksual-pelajar-spm-ditahan	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=Ue34dKOyfw	YOUTUBE



Wanita MCA calls for equal job opportunities for people with disabilities

By Bernie Yeoh | 8 hours ago | in Mainstream | Top



WANITA MCA national chairperson Wong You Fong has applauded the Women, Family and Community Ministry to collaborate with the private sector to create employment opportunities for persons with disabilities (PWD) via the Social Welfare Department.

Wong shared that the MCA women's wing also intends to seek out strategic partners to provide consultation and assistance to PWDs while also encouraging disadvantaged groups above 18 years old to search for job opportunities so that they can learn to be self-reliant.

"It is our hopes that the corporate sector will undertake practical solutions to care and provide some measure of relief for disadvantaged communities in society. In addition to funding, hiring the PWD into the workforce empowers PWD to be self-dependent," she said in a statement on Friday (Jan 19).

On the government's welfare policy for PWD, Wanita MCA stressed that any form of discrimination on the basis of disabilities must be prohibited in any recruitment, conditions for job offers, continued employment and career advancements, adding that employers, too, is responsible to ensure a safe and healthy working environment.

"PWD must be accorded protection so that they may enjoy fair and appropriate working conditions on an equal footing," Wong stressed.



Wong You Fong

"These include the right to equal opportunities and equal pay for labour of equal value. Besides a safe and healthy working environment, PWD have a right to work, safe from any form of harassment and the right to appeal.

"PWD should also be able to participate effectively in general technique and vocational guidance programmes, secure services on career introduction, vocational and other types of trainings."


Wong went on to call for the move to promote employment and career advancement possibilities for PWD in open labour markets in the public and private sectors as well as to ensure that adequate and reasonable accommodations are provided for PWD from outstation in the workplace.

"In fact, so long as amenities are provided for the PWD, they may travel to work no different from non-disabled persons," she pointed out.

"Everyone, regardless their physical condition, has the right to work and live with dignity. As long as Malaysians may freely select and accept any job offers, being gainfully employed will be beneficial towards the development of our country and community."

Wong further expressed belief that most PWD do not aim for self-pity or long-term support from others, and many of them hold tertiary degrees or have a wealth of working experiences.

"Their physical conditions should not become an obstacle for the PWD to develop their talents and contribute towards the country," she added. – Jan 19, 2024



23 keluarga Rh Gendang, Rh Mai terjejas banjir terima bantuan Kit Makanan Kering

© 2024-01-19T17:03:10+08:00



Sebanyak 135 pek makanan kering berjaya diagihkan kepada penduduk di Rumah Gedang dan Rumahh Mai di Sungai Assan Tengah yang terputus hubungan akibat banjir.

SIBU: Dua puluh tiga keluarga di Rumah Gendang dan Rumah Mai di Sungai Assan Tengah dekat sini yang terputus hubungan selepas dilanda banjir sejak beberapa minggu lalu mendapat bantuan Kit Makanan Kering daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini.

Bantuan diserahkan oleh pasukan Angkatan Pertahanan Awam (APM) Sibu kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) merangkumi 13 KIR di Rumah Gendang dan 10 KIR di Rumah Mai.

Pegawai Pertahanan Awam Malaysia Daerah Sibu Mejar (PA) Wan Mohd Jabir Wan Mohd Badrudin berkata, pasukan bantuan telah menggunakan perahu panjang selama lebih satu jam menuju ke dua rumah panjang panjang berkenaan.

"Operasi penghantaran kit makanan bermula pada jam 10.12 pagi dan semua pek makanan telah sampai ke destinasi sasaran pada jam 11.20 pagi.

"Sebanyak 135 pek makanan telah berjaya diagihkan kepada 23 KIR di kedua-dua rumah panjang berkenaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kedua-dua Tuai Rumah Gendang dan Tuai Rumah Mai dalam pada itu melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada JKJ dan APM atas bantuan makanan yang dihulurkan.

Menurut sumber, penduduk dua rumah panjang telah terputus hubungan akibat dilanda banjir sejak beberapa minggu lalu.

"Keadaan banjir di kedua-dua kawasan dilaporkan terkawal, namun aktiviti harian penduduk di kedua-dua rumah panjang berkenaan masih terjejas dan terhad.

"Hanya perahu panjang sahaja dapat digunakan untuk keluar daripada rumah panjang berkenaan," kata sumber itu.

Operasi tersebut telah melibatkan seramai 11 pegawai dan anggota APM Sibu dan dibantu oleh enam kakitangan JKJ serta empat kakitangan Majlis Perbandaran Sibu (MPS).



Dewi Hamat dicari untuk selesaikan penyerahan anak



AHMAD HAFIZUDIN ABDUL GHAPAR menunjukkan gambar serta Surat Daftar Kelahiran Amina Auni Syafira Abdullah ketika menemui di Kluang, hari ini.

Oleh ADNAN IBRAHIM 19 Januari 2024, 5:21 pm

KLUANG: Satu keluarga di sini meminta seorang wanita yang dikenali sebagai Dewi Hamat, menghubungi mereka dengan segera bagi menyelesaikan urusan penyerahan anak wanita tersebut kepada keluarga itu secara sah.

Dewi, yang kali terakhir diketahui bekerja di Kuantan kini tidak dapat dihubungi mengakibatkan kanak-kanak itu yang sudah berusia tujuh tahun mungkin berdepan dengan masalah untuk memasuki alam persekolahan pada Mac nanti.

Kanak-kanak itu yang bernama Amina Auni Syafira Abdullah diserahkan oleh Dewi kepada Abdul Ghapar Yusof ketika berusia tiga hari selepas dilahirkan pada 13 Julai 2017 di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.

Menurut anak Abdul Ghapar, Ahmad Hafizudin, 29, berkata, sebelum ayahnya meninggal dunia pada bulan Ogos 2021, arwah ada menceritakan sedikit sebab dan cara penyerahan bayi berkenaan.

Katanya, Dewi menyerahkan bayi berkenaan kepada keluarganya atas alasan mahu mencari pekerjaan lain bagi memperbaiki tahap ekonomi sebelum berjanji akan mengambilnya semula.


"Ketika penyerahan dilakukan, Dewi hanya menyertakan surat pengesahan kelahiran dari hospital kepada ayah sebelum memproses Surat Daftar Kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara.

"Kira-kira setahun selepas itu, wanita berkenaan ada datang ke rumah untuk melihat keadaan anaknya serta menyatakan hasrat agar bayi berkenaan dijadikan sebagai anak angkat keluarga kami tanpa menyertakan sebarang dokumen berkaitan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Ahmad Hafizudin berharap dapat menemui ibunya bagi memproses secara sah penyerahan anaknya itu dan membolehkan kanak-kanak dalam jagaan keluarganya itu dapat dimasukkan ke sekolah.

"Usaha menghubungi wanita itu selain mencari di tempat kerja yang dinyatakan sebelum ini gagal kerana dipercayai sudah berpindah melalui maklumat rakan-rakan sekerjanya.

"Mereka yang mengenali wanita itu atau Dewi sendiri boleh berhubung dengan saya di talian 010-8814153," katanya. – UTUSAN



Sarawak sasar 99 peratus kanak-kanak dapat akses pendidikan awal kanak-kanak tahun ini: Fatimah

© 2024-01-19T15:32:21+08:00



Fatimah (duduk, tengah), Rosey (duduk, empat kiri), Noriah (duduk, empat kanan) merakamkan kenangan bersama ahli MPAKS yang hadir pada mesyuarat hari ini.

KUCHING: Sarawak menyasarkan 99 peratus kanak-kanak di negeri ini mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak tahun ini sebelum melangkah ke alam persekolahan formal.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata tahun lepas, 98.71 peratus kanak-kanak yang memasuki Tahun 1 Sesi 2023/2024 mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak.

Ini katanya, adalah satu pencapaian yang bagus untuk Sarawak berbanding peringkat kebangsaan iaitu 88.81 peratus.

"Kita mahu meningkatkan lagi akses kepada pendidikan awal kanak-kanak daripada 98.71 peratus kepada 99 peratus tahun ini.

"Bagi tujuan itu, satu jawatankuasa khas akan meneliti di mana yang masih kurang atau perlukan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak supaya kita dapat tingkatkan kepada 99 peratus tahun ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Awal Kanak-Kanak Sarawak (MPAKS) di pejabatnya di Tingkat 8, Bangunan Baitulmakmur II di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus dan Setiausaha Tetap Kementerian Noriah Ahmad.

Ujar Fatimah lagi, sasaran Sarawak adalah 100 peratus kanak-kanak di negeri ini mengikuti pendidikan awal kanak-kanak pada 2030.

Bagi mencapai sasaran itu katanya, MPAKS bekerjasama dengan agensi-agensi seperti SeDidik Sdn Bhd, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Persatuan Pengusaha Tadika (AKO) bagi meningkatkan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini.

Setakat 27 Disember 2023 katanya, terdapat sebanyak 3,033 Institut Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IPAKK) di seluruh Sarawak, di mana 2,801 daripadanya adalah tadika dan 232 adalah taska.

Fatimah yang juga Pengerusi MPAKS turut berkata, kementerian tahun ini akan terus memperkasakan program pendidikan awal kanak-kanak sedia ada, selain memperkenalkan program-program baharu.

Katanya, antara yang ditekankan tahun ini ialah pembentukan watak dan sahsiah kanak-kanak melalui program seperti Bersih Awal Bersih Akhir (BaBa) yang diilhamkan daripada amalan OSOJI di Jepun.

Di bawah program itu katanya, kanak-kanak diajar untuk memastikan ruang aktiviti atau pembelajaran bersih dan kemas sebelum dan selepas aktiviti dijalankan.

"Kita juga akan menekankan kepada 'experiential learning' di IPAKK, di mana kanak-kanak didedahkan kepada penerokaan pengalaman melalui aktiviti-aktiviti luar seperti lawatan untuk mereka belajar daripada situasi kehidupan sebenar," katanya.



FORUM PEMERKASAAN WANITA BUKA MINDA PERANAN WANITA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA



19/01/2024 04:26 PM

NILAI, 19 Jan (Bernama) -- Pemerksaan wanita terus menjadi agenda nasional yang penting terutamanya dalam menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengurusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara.

Selaras dengan usaha menyokong agenda pemerksaan wanita di peringkat kebangsaan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Jawatankuasa Pemerksaan Wanita USIM telah menganjurkan sebuah forum bertajuk 'Peranan Wanita dalam Kerjasama Antarabangsa' bertempat di Auditorium, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) USIM, baru-baru ini.

Forum yang membawa tema kewanitaan ini dibarisi oleh panelis yang tidak asing lagi di Malaysia, iaitu Profesor Dato' Seri Dr. Zaleha Kamaruddin, Ahli Majlis Penasihat Wanita, Pertubuhan Kerjasama Negara-negara Islam (OIC) yang juga merupakan Mantan Rektor Wanita Pertama Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Puan Hajah Rohani Datuk Haji Mohd. Shahir, Pengerusi, Khadijah International Waqf (L) Foundation dan Profesor Dr. Rafidah Hanim Mokhtar, Profesor di FPSK USIM yang juga merupakan Pengerusi the International Women's Alliance for Family Institution and Quality Education (WAFIQ).

Pelbagai topik serta perkongsian ilmu berkaitan peranan wanita dikupas dalam forum yang berlangsung hampir dua jam itu merangkumi tanggungjawab dan peranan wanita sebagai individu sama ada di dalam kehidupan peribadi, kerjaya profesional mahupun rumahtangga.

Nor Azzah Momin, Ketua Pustakawan, merangkap Ketua Jawatankuasa Pemerksaan Wanita USIM berkata, "Jawatankuasa Pemerksaan Wanita USIM telah diwujudkan dengan hasrat untuk menjadi sebuah platform yang merangka dasar, membentuk perancangan dan menjalankan aktiviti serta kolaborasi yang berkaitan dengan usaha pembangunan diri, kemahiran serta visibiliti wanita di USIM serta wanita lain dalam masyarakat."


"Pelaksanaan forum ini adalah untuk memberikan gambaran dan panduan yang luas berkenaan peranan yang perlu dan boleh dimainkan oleh wanita di peringkat kebangsaan dan antarabangsa".

Jelas beliau lagi, tema yang dipilih ini selari dengan keperluan kaum wanita yang diperuntukkan dengan satu surah yang dikhususkan kepada mereka iaitu Surah An-Nisa' yang di dalamnya terkandung perbincangan yang mendalam berkaitan isu-isu wanita. Di antara isu dan permasalahan yang disentuh adalah hukum-hukum pernikahan, perwarisan, hak dan kewajipan dalam keluarga, serta perlindungan terhadap hak-hak Wanita.


Sementara itu, Farrah Nadia Yusoff, 37, salah seorang peserta forum yang hadir berkata, pengisian forum yang dikongsikan oleh para panel amat bagus dan bermanfaat, lebih-lebih lagi bagi wanita yang berkerjaya.

"Diharapkan program seperti ini dapat diluaskan kepada agensi-agensi Kerajaan agar semua staf wanita mendapat ilmu yang bermanfaat dan membuka minda para wanita untuk terus menyumbang kepada negara sama ada di peringkat domestik mahu pun antarabangsa". Ujar beliau lagi.

Turut hadir ke forum adalah Datin Seri Hajah Wan Hasni Wan Yusoff, Isteri Menteri Besar Negeri Sembilan, merangkap Yang Dipertua Persatuan Badan Isteri Wakil-Wakil Rakyat & Pegawai Kanan Negeri Sembilan (BAKRIYAH NS), Profesor Madya Datin Dr. Aza Sherin Mohd. Yusoff, isteri kepada Naib Canselor USIM yang juga Pengerusi, Kelab Kakitangan Wanita dan Isteri Kakitangan USIM (Kelab Wardah), Pn. Yuhani Jamiran, Penasihat Undang-undang USIM merangkap Timbalan Ketua Taskforce Pemerksaan Wanita USIM, Ahli BAKRIYAH NS, wakil dari Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Persatuan Wanita Universiti dan Pusanita Kementerian serta Persatuan Keluarga Polis (PERKEP).



JUAL BAYI: BEKAS PEMBANTU TADBIR DIHUKUM PENJARA LIMA TAHUN, DENDA RM90,000



Gambar hiasan.

19/01/2024 05:16 PM

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Mahkamah Sesyen hari ini menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan denda RM90,000 terhadap seorang bekas pembantu tadbir sebuah maktab yang didapati bersalah atas pertuduhan memperdagang bayi lelaki 13 bulan dan menggunakan dokumen palsu untuk mendaftarkan kelahiran bayi itu, empat tahun lepas.

Hakim Azura Alwi membuat keputusan itu selepas memutuskan pembelaan Nurul Faizan Ahmad Asri, 40, gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Ketika membacakan penghakiman ringkasnya, Azura berkata terdapat pemindahan milikan antara ibu kandung bayi dan seorang saksi yang membuktikan inti pati kes di bawah Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

"Pembelaan tertuduh bahawa pemindahan milikan bayi tersebut bertujuan untuk membantu ibu kandungnya dan pemindahan tidak melibatkan wang ringgit hanyalah penafian semata-mata.

"Penafian tertuduh bahawa dia tidak mengetahui isi kandungan sampul surat yang mengandungi dokumen palsu untuk mendaftar kelahiran bayi itu juga adalah penafian semata-mata," katanya.

Nurul Faizan didakwa melakukan kesalahan itu di Hospital Taman Desa, Jalan Klang Lama di sini pada 5 petang 5 Nov 2020 mengikut Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2017 yang membawa hukuman maksimum penjara minimum tiga tahun atau maksimum 20 tahun dan denda.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menggunakan Borang Daftar Kelahiran Jabatan Pendaftaran Negara palsu atas nama bayi itu di jabatan itu di Jalan Sri Hartamas 1 di sini pada 10.30 pagi, November 2020 mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara tujuh tahun dan denda.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan denda RM80,000 atau penjara 24 bulan bagi kesalahan memperdagang bayi manakala bagi pertuduhan kedua, Nurul Faizan dikenakan hukuman penjara setahun dan denda RM10,000 atau penjara tiga bulan.

Azura memerintahkan kedua-dua hukuman penjara berjalan serentak bermula hari ini.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan tertuduh untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi namun menolak penangguhan pembayaran denda dan mengarahkan ia dibayar hari ini.

Seramai 13 saksi pendakwaan dan seorang saksi pembelaan memberi keterangan sepanjang perbicaraan yang bermula pada 1 Sept 2022.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Iznina Hanim Hashim dan Nadia Izhar manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Hafiz A Bakar dan Marisha Dianah Md Darus.

Tukang urut didakwa lakukan amang seksual terhadap remaja hilang

Suraya Roslan

surayaroslan@mediaprima.com.my



Kuala Lumpur: Tukang urut lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki yang hilang di Hulu Bernam, Selangor, awal bulan lalu.

Tertuduh, Hamid Khan Samoon, 43, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Kafil Che Ali.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap lelaki berusia 16 tahun di bilik hotel di Jala Sultan, di sini, pada 8 malam, 1 Januari hingga 10 Januari lalu.

Oleh itu dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebat.

Timbalan Pendakwa Raya, Noorhani Muhammed Ayub mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan serta melapor diri di balai polis berdekatan sebulan sekali.

Bagaimanapun tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan dikurangkan kerana perlu menanggung kakak yang sudah tiada suami.

"Saya menanggung kakak saya, anak dia (kakak) sudah meninggal dunia, kakak saya mengharapkan saya sangat-sangat," katanya.


Mendengar hujah kedua-dua pihak, Mohd Kafil membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang lelaki direman selama tujuh hari selepas dipercayai terbabit dalam kes dua beradik yang dilaporkan hilang selepas keluar dari kediaman mereka di Hulu Selangor, sejak 1 Januari lalu.

Disiarkan pada: Januari 19, 2024 @ 11:43am



TERTUDUH (tengah) di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. FOTO Genes Gutitah



Guru ditahan lakukan amang seksual terhadap pelajar lelaki

Oleh AZMI NORDIN | 19 Januari 2024, 5:24 pm



Gambar hiasan

AMPANG JAYA – Guru lelaki ditahan selepas disyaki melakukan amang seksual terhadap empat pelajar termasuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), semalam.

Menurut sumber, suspek mengajar remaja terbabit sejak tahun lalu dan perbuatan itu dipercayai dilakukan di dalam kawasan sekolah dan di beberapa tempat di daerah ini.

"Lelaki berkenaan juga dikatakan ada menghantar pesanan WhatsApp berbaur lucah kepada mangsa.

"Bagimapun perbuatan itu terbongkar selepas mangsa tampil membuat laporan polis kelmarin dan semalam ke atas suspek," katanya.

Difahamkan, sebanyak empat laporan polis dilakukan membabitkan pelajar lelaki berusia 16 hingga 17 tahun terhadap guru lelaki berusia 28 tahun itu.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

"Setakat ini kita sudah menerima empat laporan polis membabitkan empat mangsa berusia 16 hingga 17 tahun.

"Pelajar ini ada yang juga menduduki SPM di mana suspek adalah seorang guru di sekolah terbabit yang sudah ditahan," katanya.

Hussein berkata, suspek direman seminggu bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTKK) 2017.-KOSMO! ONLINE.



TAJUK : DIPENJARA, DENDA RM90,000 PERDAGANG BAYI

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dipenjara, denda RM90,000 pedagang bayi

Kuala Lumpur: Seorang bekas pembantu tadbir sebuah maktab dijatuhkan hukuman penjara lima tahun dan denda RM90,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dua pertuduhan memperdagangkan bayi berusia 13 bulan dan memalsukan dokumen kelahiran, empat tahun lalu.

Hakim Azura Alwi menjatuhkan hukuman itu terhadap Nurul Faizan Ahmad Asri, 40, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan.

Azura membenarkan penangguhan hukuman penjara sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi, tetapi menolak penangguhan denda yang perlu dibayar semalam.

Dalam alasan ringkasnya, Azura berkata, terdapat pemindahan milikan antara ibu kandung bayi dan seorang saksi yang membuktikan inti pati kes bawah Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

"Pembelaan tertuduh bahawa pemindahan milikan bayi itu bertujuan untuk membantu ibu kandungnya dan pemindahan tidak membabitkan wang ringgit hanyalah penafian semata-mata.

"Penafian tertuduh bahawa dia tidak mengetahui isi kandungan sampul surat yang mengandungi dokumen palsu untuk mendaftar kelahiran bayi itu juga adalah penafian semata-mata," kata hakim itu.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa memperdagangkan bayi lelaki berusia setahun sebulan bagi maksud eksploitasi menyalahi undang-undang, iaitu pemindahan milikan kanak-kanak itu dengan pertukaran wang ringgit di Hospital Taman Desa, Jalan Klang Lama, di sini pada jam 5 petang, 5 November 2020.

Oleh itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang boleh dihukum penjara minimum tiga tahun atau maksimum 20 tahun dan denda.

Bagi pertuduhan kedua, dia juga secara fraud menggunakan dokumen iaitu Borang Daftar Kelahiran Jabatan Pendaftaran

Negara (JPN) LM01 bersama lampiran atas nama bayi yang mana mempercayai dokumen palsu di JPN Kuala Lumpur, di sini pada jam 10.30 pagi, November 2020.

Oleh itu, dia didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 468 kanun sama boleh dipenjarakan maksimum tujuh tahun dan denda.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Iznina Hanim Hashim dan Nadia Izhar, manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Hafiz A Bakar dan Marisha Dianah Md Darus.

Perbicaraan kes itu bermula 1 September 2022 dengan 13 saksi pendakwaan dipanggil dan seorang saksi pembelaan.



TAJUK : TUKANG URUT DITUDUH AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA HILANG

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tukang urut dituduh amang seksual terhadap remaja hilang

Kuala Lumpur: Seorang tukang urut lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki yang hilang di Hulu Bernam, Selangor, awal bulan ini.

Hamid Khan Samoon, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Kafil Che Ali.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 16 tahun di sebuah bilik hotel di Jalan Sultan, di sini pada jam 8 malam, 1 Januari hingga 10 Januari lalu.

Oleh itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebat.

Timbalan Pendakwa Raya, Noorhani Muhammed Ayub mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan serta melapor diri di balai polis berdekatan sebulan sekali.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan dikurangkan kerana perlu menanggung kakak yang sudah tiada suami dan anak.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Mohd Kafil membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan.

Sebelum ini, media melaporkan seorang lelaki direman tujuh hari selepas dipercayai terbabit kes dua beradik yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumah di Taman Bernam Jaya, Hulu Selangor, sejak 1 Januari lalu.


Polis menerima laporan seorang remaja lelaki berusia 16 tahun pada jam 2.48 pagi, 12 Januari lalu yang mendakwa dicabul dan diliwat seorang lelaki di sebuah hotel di Jalan Sultan.

Bertindak atas maklumat itu, polis menahan seorang lelaki dipercayai terbabit kes itu di hadapan sebuah hotel di lokasi kejadian.

Media melaporkan dua beradik lelaki dilaporkan hilang pada 1 Januari lalu dan mendakwa dikurung dalam sebuah motel di Jalan Petaling, di sini, oleh individu tidak dikenali.

Malah, remaja itu mendakwa selama dikurung bersama adiknya, mereka diperlakukan tidak baik sebelum dipisahkan pada 9 Januari lalu.

Bagaimanapun, remaja itu berjaya melarikan diri sebelum ditemui dalam keadaan tidak bermaya di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Pasar Seni, di sini, pada 11 Januari lalu.



TAJUK : BUKAN DILIWAT: POLIS

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Pemeriksaan pihak hospital terhadap seorang daripada dua beradik yang dilaporkan hilang selepas keluar dari kediaman mereka di Taman Bernam Jaya, Hulu Selangor sejak 1 Januari lalu mendapati dia tidak diliwat.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, pemeriksaan

dilakukan itu juga mendapati tiada kecederaan fizikal pada mangsa.

"Hasil siasatan dilakukan mendapati mangsa tinggal bersama suspek iaitu seorang lelaki berusia 42 tahun selama 10 hari di sebuah hotel di Jalan

Sultan di sini.

"Soal siasat dilakukan juga mendapati suspek melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa dengan mencabul remaja terbabit. Pemeriksaan pihak hospital mengesahkan tiada kecederaan fizikal

dan tiada kejadian liwat berlaku," katanya, semalam.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang lelaki direman selama tujuh hari selepas dipercayai terbabit dalam kes dua beradik yang dilaporkan

hilang selepas keluar dari kediaman mereka di Taman Bernam Jaya, Hulu Selangor, sejak 1 Januari lalu.

Allaudeen dipetik berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang remaja lelaki berusia 16 tahun jam 2.48 pagi, 12 Januari lalu yang mendakwa dicabul dan diliwat seorang lelaki di sebuah hotel

di Jalan Sultan.

Bertindak atas maklumat itu, pihak polis menahan seorang lelaki berusia 42 tahun yang dipercayai terbabit dalam kes terbabit di hadapan sebuah hotel di lokasi kejadian.

Allaudeen turut memaklumkan siasatan dilakukan pihak polis mendapati remaja lelaki terbabit bukan diculik.

Bukan diliwat: Polis



TAJUK : GURU AMANG SEKSUAL EMPAR PELAJAR SPM

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Guru amang seksual empat pelajar SPM

Ampang Jaya: Tindakan seorang guru yang melakukan perbuatan amang seksual ke atas empat pelajar yang juga calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengundang padah apabila dia ditahan polis, kelmarin.

Setakat kini, polis sudah menerima empat laporan polis membabitkan pelajar lelaki berusia 16 hingga 17 tahun terhadap guru lelaki berusia 28 tahun itu.

Menurut sumber, perbuatan itu dilakukan suspek yang mengajar remaja terbabit sejak tahun lalu dan dilakukan di dalam kawasan sekolah dan di beberapa tempat di daerah ini.

“Suspek juga dikatakan ada menghantar pesanan WhatsApp berbaur lucah kepada mangsa.

“Bagaimanapun perbu-


tan itu terbongkar selepas mangsa tampil membuat laporan polis kelmarin dan semalam ke atas suspek,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

“Setakat ini polis sudah menerima empat laporan polis membabitkan empat mangsa berusia 16 hingga 17 tahun.

“Pelajar ini ada yang juga menduduki SPM di mana suspek adalah seorang guru di sekolah terbabit yang sudah ditahan,” katanya.

Hussein berkata, suspek direman seminggu bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTKK) 2017.



TAJUK : GURU NAFI AMANG SEKSUAL DALAM KELAS

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Guru nafi amang seksual dalam kelas

Alor Gajah: Seorang guru didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap muridnya di dalam bilik darjah, dua tahun lalu.

K Ramakrishnan, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Nariman Badruddin.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas seorang kanak-kanak perempuan ketika itu berusia 11 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah kelas tahun lima di sekolah berkenaan pada jam 10.30 pagi, 26 Mei 2022.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen

16(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan juga sebatan.


Timbalan Pendakwa Raya Anis Najwa Nazari mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Peguam S Karthigesan bagaimanapun memohon jaminan rendah kerana tertuduh hanya mampu menyediakan wang RM3,500 selain memberikan kerjasama baik kepada pihak polis sepanjang siasatan kes.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dilepaskan dengan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan syarat tambahan tertuduh atau ahli keluarganya tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan dalam apa jua cara.



RAMAKRISHNAN diiringi polis dibawa keluar Mahkamah Sesyen Alor Gajah.



TAJUK : HILANG SEPARUH NYAWA SEBELUM SAMPAI SEKOLAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DUA MURID, DUA GURU TEMPUH PENGALAMAN SUKAR KE SK MAGANDAI

HILANG SEPARUH NYAWA SEBELUM SAMPAI SEKOLAH!

Oleh Johary Indan
am@hmetro.com.my

Kota Marudu

Pengalaman dua murid dan dua guru Sekolah Kebangsaan (SK) Magandai, kira-kira 70 kilometer dari sini, terpaksa bermalam di pondok kebun tentu sukar dilupakan mereka.

Kejadian berlaku ketika mereka dalam perjalanan ke sekolah beberapa hari lalu.

Awalnya, dua beradik tahun enam dan tahun tiga iaitu Eric Rahman, 12, dan Alexander Rahman, 9, ditumpang guru yang sama-sama menuju sekolah namun kenderaan guru terbabit rosak di pertengahan perjalanan disebabkan jalan teruk.

Berikutan itu, dua murid yang membawa peralatan sekolah dan sedikit bekalan makanan terpaksa meneruskan perjalanan bersama guru dengan berjalan dalam keadaan hujan mengharungi laluan becak dan berselut.

Malangnya, dua murid dan dua guru gagal sampai destinasi pada hari sama dise-



ERIC dan Alexander terpaksa berjalan kaki menggunakan laluan lumpur, becak dan berselut untuk sampai sekolah selepas kenderaan guru yang ditumpang rosak di pertengahan jalan akibat laluan teruk. - Gambar NSTP/JOHARY INDAN

KEADAAN laluan yang terpaksa ditempuh untuk ke SK Magandai.



MURID gigih terpaksa berpayung dan berjalan kaki guna laluan lumpur, becak dan berselut untuk sampai sekolah.

kecil itu baik ada orang dewasa bersama mereka dalam perjalanan itu," katanya menerusi hantaran di media sosial miliknya.

Menurutnya, pagi keesokan harinya mereka berempas meneruskan perjalanan dengan ditemani hujan yang tidak henti.

"Kami terpaksa berpayung sepanjang perjalanan dengan pakaian penuh lumpur," katanya.

Moniq menyifatkan, dua murid SK Magandai itu terlalu kecil untuk menanggung kesulitan seperti itu, namun tiada pilihan selain menempuh apa saja yang ada di hadapan demi untuk mencari ilmu.

"Sedih luluh hati melihat mereka berjalan jauh ke sekolah, semoga murid itu tetap semangat belajar dan rajin datang sekolah, walaupun terpaksa melalui keadaan cukup sulit.

"Tidak dapat dibayangkan jika keadaan itu berlaku kepada anak sendiri. Bukan mahu salahkan sesiapa," katanya.

Dia berharap jalan menuju SK Magandai dapat diperbaiki segera sebaik cuaca baik untuk memastikan kesejahteraan penduduk menggunakan satu-satunya laluan keluar masuk itu.


"Kami tenaga pengajar SK Magandai berharap sangat jika cuaca baik dan permukaan jalan Magandai kering, segerakan baik pulih laluan itu," katanya.

babkan malam serta hujan lebat, memaksa mereka menumpang teduh dan bermalam di pondok kebun penduduk Magandai.

Guru SK Magandai dikenali Moniq Cfrndz bersama dengan dua murid itu menceritakan mereka tiada pilih lain, kecuali bermalam di hutan memandangkan baki perjalanan masih terlalu jauh.

"Apa ingin saya nyatakan di sini, kami tidak bermalam di perjalanan jika jalan menuju SK Magandai berkeadaan baik.

"Nasib dua murid masih



TAJUK : LELAKI PELAKON PORNO!

HARI : SABTU

TARIKH : 20 JAN 2024

STONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 06

SEKTOR : KPWKM

Oleh Safeek Affendy
Razali
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang gigolo lelaki tempatan dikesan menjalankan aktiviti merakam dan menjual video lucah hasil hubungan seks bersama lebih 20 wanita dari kalangan pelbagai bangsa.

Suspek berusia 31 tahun yang menjual video itu menerusi laman sosial ditahan di Janda Baik, Pahang, petang kelmarin.

Suspek ditahan anggota polis Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman di sebuah rumah di Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang pada jam 2.30 petang.

Dalam serbuan sama, polis menahan dua teman wanitanya berusia 23 dan 27 tahun di rumah yang turut didiami bapa lelaki terbabit.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata suspek lelaki itu dikesan melalui hasil maklumat dan risikan JSJ Bukit Aman berhubung kegiatan mempromosikan aktiviti seks dirinya sendiri yang dirakam dan dijual untuk tontonan di platform Telegram.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek utama yang pernah dua kali berkahwin dan bercerai memulakan aktiviti menjual dan mempromosikan ubat kuat seks dari China menerusi platform media sosial sejak awal tahun lalu.

"Demikian mengaut keuntungan lebih tinggi, suspek kemudian mempelajari cara baharu merakam video dia melakukan hubungan

LELAKI PELAKON PORNO!

Gigolo jual rakaman video aib bersama 20 wanita

seks ganas dengan teman wanitanya sebelum menjual adegan berkenaan dalam tiga saluran di aplikasi Telegram sejak Julai tahun lalu.

"Tidak hanya teman wanita, suspek juga disyaki mempunyai latar belakang seorang gigolo atau lelaki upahan turut menduri sebahagian pelanggan wanita dalam saluran aplikasi Telegram berkenaan," katanya, semalam.

Mohd Shuhaily berkata,

modus operandi digunakan adalah dengan mengajak pelanggan melanggan menerusi pautan promosi yang diiklankan dalam aplikasi Telegram oleh suspek sebelum urusan pembayaran dipersetujui.

"Selepas pembayaran dibuat, suspek akan menghantar pautan kepada pelanggan untuk terus menonton video lucah yang dilakukan dan dirakam suspek sendiri.

"Siasatan juga mendapa-



SUSPEK bersama dua kekasihnya ditahan reman lima hari untuk bantu siasatan.

ti setakat 16 Januari suspek mempunyai 2,051 pelanggan untuk pakej 200 video dengan bayaran RM100 dan 622 pelanggan untuk

pakej RM20 sebulan bagi 13 video.

"Semua pelanggan aplikasi ini adalah rakyat Malaysia daripada golongan lelaki miang dan wanita kesunyian yang memiliki kerjaya dalam bidang profesional seperti doktor, usahawan dan sektor korporat," katanya.

Beliau berkata, ada antara wanita terbabit yang mempunyai keinginan menduri suspek turut ditawarkan syarat supaya hubungan intim dirakam untuk jualan seterusnya.

"Pada masa ini suspek dan dua teman wanitanya yang ditahan turut dikesan melakukan aksi lucah dalam video seks yang dijual selain berusaha mengesan wanita lain yang turut terbabit dalam puluhan rakaman video yang dikesan.

"Polis menemui semua aksi rakaman suspek melalui rampasan lima telefon

bimbit milik suspek dan dua teman wanitanya. Selain dua kad ATM yang digunakan sebagai akaun langganan," katanya.

Pagi kelmarin, suspek bersama dua teman wanitanya dibenarkan ditahan reman selama lima hari oleh Mahkamah Sesyen Jalan Duta, di sini, dan kes diasias mengikut Seksyen 372 (1)(e) Kanun Keseksan atas kesalahan mempromosikan aktiviti seks untuk mendapatkan keuntungan dan boleh dihukum penjara 19 tahun, sebatan dan dendanya sekiranya disabitkan kesalahan.

Seksyen 292 Kanun Keseksan atas kesalahan memiliki bahan lucah yang boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun serta Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998 atas kesalahan menyalahgunakan kemudahan rangkaian telekomunikasi.

Pemilik akaun 'darkside' dalam radar polis

Kuala Lumpur: Beberapa pemilik akaun *darkside* di laman X yang terbabit dalam pembikinan video lucah bersama seorang gigolo ditahan polis petang kelmarin, kini dalam radar polis.

Sumber berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman kini dalam proses mengenal pasti semua individu terbabit.

"Berdasarkan keterangan, suspek yang berusia 31 tahun tidak mengenali wanita-wanita yang melakukan hubungan seks dengannya.

"Wanita-wanita itu pertama kali berhubung di akaun *darkside* sebelum melakukan hubungan seks serta merakam aktiviti berkenaan dan dijual untuk tontonan di platform Telegram," katanya semalam.

Menurut sumber, polis juga akan memanggil beberapa pelanggan yang melanggan video berkenaan bagi pengesahan transaksi.

"Suspek ini dikenali di laman X (dahulu Twitter) terutama di dalam komuniti pemilik akaun *darkside*."

"Siasatan lanjut kini sedang dijalankan bagi mengenal pasti individu-individu lain yang terbabit berhubung kes ini," katanya.



TAJUK : TUKANG URUT TAK MENGAKU BERSALAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Seorang tukang urut lelaki yang didakwa melarikan dua beradik di Hulu Bernam, Selangor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh, Hamid Khan Samoon, 43, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Kaffli Che Ali.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 16 tahun dengan cara menyentuh bahagian sulit bagi tujuan seksual.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bilik hotel di Jalan Sultan di sini pada jam 8 malam, 1 Januari hingga 10 Januari lalu.

Oleh itu dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebat.

Timbalan Pendakwa Raya, Noorhani Muhmmmed Ayub mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan serta melapor diri di balai polis berdekatan sebulan sekali.

Bagaimanapun tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan dikurangkan kerana perlu menanggung kakak yang sudah tiada suami.

"Saya menanggung ka-



TERTUDUH (dua dari kanan) didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 16 tahun dengan cara menyentuh bahagian sulit bagi tujuan seksual.

DIDAKWA LARIKAN, CABUL DUA BERADIK

TUKANG URUT TAK MENGAKU BERSALAH

"Saya menanggung kakak saya, anak dia (kakak) sudah meninggal dunia, kakak saya mengharap saya sangat-sangat"

kak saya, anak dia (kakak) sudah meninggal dunia, kakak saya mengharap saya sangat-sangat," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Mohd Kaffli

membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang

lelaki direman selama tujuh hari selepas dipercayai terlibat dalam kes dua beradik yang dilaporkan hilang selepas keluar dari kediaman mereka di Taman Bernam Jaya, Hulu Selangor sejak 1 Januari lalu.

Polis menerima laporan daripada seorang remaja lelaki berusia 16 tahun jam 2.48 pagi, 12 Januari lalu yang mendakwa dicabul dan diulwat seorang lelaki di sebuah hotel di Jalan Sultan.

Bertindak atas maklumat berkenaan, pihak polis bertindak menahan seorang lelaki berusia 42 tahun yang dipercayai terlibat dalam kes tersebut di hadapan sebuah hotel di lokasi kejadian.


Hasil siasatan polis mendapati remaja lelaki tersebut bukan diculik sebagaimana dilaporkan.

Sebaliknya, remaja berkenaan keluar dari rumahnya di Hulu Bernam, Selangor dan terdapat siasatan berkenaan kes itu dilakukan.

Terdahulu, media melaporkan dua beradik lelaki dilaporkan hilang pada 1 Januari lalu dan mendakwa dikurung dalam sebuah motel di Jalan Petaling, di sini, oleh individu tidak dikenali.

Malah remaja itu mendakwa selama dikurung bersama adiknya, mereka diperlakukan tidak baik sebelum dipisahkan pada 9 Januari lalu.

Bagaimanapun, remaja berkenaan berjaya melarikan diri sebelum ditemukan dalam keadaan tidak bermaya di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Pasar Seni di sini pada 11 Januari lalu.



TAJUK : WANITA DIPENJARA 5 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 16

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

MEMPERDAGANG BAYI BERUSIA 13 BULAN

WANITA DIPENJARA 5 TAHUN

Oleh Suraya Roslan
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang bekas pembantu tadbir sebuah maktab dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan denda RM90,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan memperdagangkan bayi berusia 13 bulan dan memalsukan dokumen kelahiran empat tahun lalu.

Hakim Azura Alwi men-

jatuhkan hukuman itu terhadap Nurul Faizan Ahmad Asri, 40, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Azura juga membenarkan penangguhan hukuman penjara sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi, bagaimana pun menolak penangguhan denda yang perlu dibayar semalam.

Dalam alasan ringkasnya, Azura berkata, terda-

pat pemindahan milikan antara ibu kandung bayi dan salah seorang saksi yang membuktikan intipati kes di bawah Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

"Pembelaan tertuduh bahawa pemindahan milikan bayi itu bertujuan untuk membantu ibu kandung dan pemindahan tidak membabitkan wang ringgit hanyalah penafian semata-mata.

"Penafian tertuduh baha-

wa dia tidak mengetahui isi kandungan sampul surat yang mengandungi dokumen palsu untuk mendaf-tar kelahiran bayi itu juga adalah penafian semata-mata," kata hakim berkenaan.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa memperdagangkan bayi lelaki berusia setahun sebulan bagi maksud eksploitasi menyalahi undang-undang iaitu pemindahan milikan kanak-kanak itu dengan pertukaran wang ringgit di

Hospital Taman Desa, Jalan Klang Lama, di sini pada jam 5 petang, 5 November 2020.

Oleh itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang boleh dihukum penjara minimum tiga tahun atau maksimum 20 tahun dan denda.

Bagi pertuduhan kedua pula, Nurul Faizan juga secara *fraud* menggunakan dokumen iaitu Borang Daftar Kelahiran Jabatan Pen-

daftar Negara (JPN) LMO1 bersama lampiran atas nama bayi itu yang mana dipercayai dokumen palsu di JPN Kuala Lumpur di sini pada jam 10.30 pagi, November 2020.

Hakim membenarkan penangguhan hukuman penjara sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.



TAJUK : APPELLATE COURT UPHOLDS 50-YEAR JAIL SENTENCE FOR INCEST

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Appellate court upholds 50-year jail sentence for incest

PUTRAJAYA: The Court of Appeal yesterday upheld the 50-year jail sentence meted out to a man convicted of two counts of incest with his 14-year-old daughter.

Three three-member bench comprising justices Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, Datuk Azmi Ariffin and High Court judge Datuk Noordin Badaruddin, in dismissing the 45-year-old man's appeal for a reduction of his jail sentence, allowed his appeal to reduce the 20 strokes of the cane imposed on him by the Sessions Court to 10 strokes.

Vazeer said the 25-year jail term imposed on the man for each charge was not excessive, taking into account the relationship between him and the victim.

He said the victim should be taken care of by her father and not be subjected to rape.

On Aug 19, 2022, the Sessions Court found the man guilty of two charges of committing incest with the girl at a house in Klang,

Selangor, on April 8, 2019 and April 16, 2019 and sentenced him to 25 years' jail and 10 strokes of the rotan for each charge. He was ordered to serve the jail sentences consecutively.


An appeal was dismissed by the High Court on March 6 last year.

In another case, the panel also affirmed the 15-year jail sentence and one stroke of the cane imposed on a farmer for raping his daughter after ruling that the jail sentence was not excessive.

Vazeer, in delivering the court's decision, said the victim was still the man's daughter although she was born out of wedlock.

On April 14, 2022, the 51-year-old man was sentenced to 15 years' jail and one stroke of the cane by the Sessions Court after he pleaded guilty to raping his daughter at a house in Pasir Puteh, Kelantan, on March 24, 2022.

The High Court dismissed his appeal on Feb 9 last year. **Berna-**
ma



TAJUK : MAN HELD FOR SELLING SEX VIDEOS ONLINE

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man held for selling sex videos online

KUALA LUMPUR: A man who sold on social media explicit videos of himself engaging in sexual activities with more than 20 women was arrested in Janda Baik, Pahang, recently.

The 31-year-old suspect was arrested by the Bukit Aman Criminal Investigation Department's (CID) Vice, Gambling and Secret Societies Division (D7) at a house in Kampung Janda Baik, Bentong, at 2.30pm on Wednesday.

Police also arrested two women, aged 23 and 27, at the house, where the suspect's father also resides.

Bukit Aman CID director Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain said the male suspect was identified through the department's investigations into his self-promotion of the recordings on the Telegram chat platform.

He said initial investigations revealed that the suspect, who is twice divorced, began promoting and selling sexual enhancement drugs from China through social media early last year.

"To maximise profits, the suspect learnt to record videos of himself engaging in rough sexual acts with women, then selling the clips on three channels on Telegram since July last year.

"Besides the two female suspects, the main suspect, who is believed to have been a hired escort in the past, also engaged in sexual activities with female customers he met on the Telegram channels," he told *Berita Harian*.

Shuhaily said the suspect's modus operandi involved inviting people to subscribe to his content on Telegram, then arranging for payment.

"After payment is made, the suspect sends a link to the customer to watch the explicit videos of himself that he recorded.

"The investigation found that up to Jan 16, the suspect had 2,051 subscribers for a package of 200 videos at a price of RM100 per month and 622 subscribers for a package of 13 videos for RM20 per month.

"All his subscribers on the app

are Malaysians from the LGBTQ+ community and lonely professional women, such as doctors, entrepreneurs and corporate workers."


He said some women who expressed interest in engaging in sexual activities with the suspect were offered terms to record the intimate moments to be sold in the future.

"The suspect and the two arrested women are being tracked for their involvement in dozens of videos.

"Police discovered all the suspect's recordings after seizing five mobile phones belonging to him and the two women, as well as two ATM cards used for subscription accounts."

On Thursday, the three suspects were remanded for five days by the Sessions Court here.

The case is being investigated for promoting sexual activities for profit, for possessing explicit materials and for misusing telecommunication network facilities.



TAJUK :	LIONS CLUB HOLDS CHILDHOOD CANCER PROJECT AT SIBU HOSPITAL		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	20 JAN 2024	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Lions Club holds childhood cancer project at Sibu Hospital

SIBU: Lions Club International District 308-A2 held a 'Childhood Cancer Project' at Sibu Hospital yesterday.

According to Lions District governor Kapitan Ronny Hiew, the project aims to serve the community, provide them with hands-on services, and boost the morale among the Lions.

"Additionally, I want to take a moment to highlight the 'Lions in Action Expedition' project.

"The purpose of the project are to strengthen relationships, promote the club's positive

image, encourage members to support the eight global causes, provide practical services, boost morale, and fulfil the International president's theme of 'Changing the World'. The project is a commitment to communities and their changing needs," he said in his remarks for the launch yesterday.

The 'Childhood Cancer Project' was jointly organised by Lions International District 308-A2 Region 2 and Region 3.


The Lions involved in this programme undertook many

volunteer-based activities such as mural-painting on the hospital corridors, as well as presenting ceiling and standing fans, sofas, story books and the accompanying racks, board games, toys, and also kettle jugs.

"I want to thank the hospital's administrators and staff members for their cooperation with the club, as well as the Lions for their dedication to serving the community, especially the patients in Sibu Hospital, and their commitment to making the world a better place," said Hiew.



Hiew (back, seventh left), Sibu Hospital director Dr Nanthakumar Thirunavukkarasu on his left and others gather for a group photo after the launch of the 'Childhood Cancer Project' at the hospital.



TAJUK : MINISTER AIMS FOR 99 PCT OF S'WAK KIDS TO HAVE ACCESS TO EARLY EDUCATION IN 2024

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Fatimah highlights some points during the press conference. She is flanked by deputy minister Datuk Rosey Yunus (left) and the ministry's permanent secretary Noriah Ahmad.

Minister aims for 99 pct of S'wak kids to have access to early education in 2024

KUCHING: Minister Dato Sri Fatimah Abdullah aims for 99 per cent of Sarawak children to have access to early childhood education this year.

In this regard, her Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak (KPWK) is collaborating with SeDidik Sdn Bhd, Education Department (JPN), Community Development Department (Kemas), National Unity and Integration Department (JPNIN) and Association for Kindergarten Operators (AKO) towards achieving this goal.

This was highlighted in a press conference yesterday, called after the Sarawak Children's Early Education Development

Council (MPAKS) meeting.

According to Fatimah, 98.71 per cent of the children who were in Primary 1 in Sarawak last year received early childhood education from preschools, namely childcare centres, nurseries and kindergartens.

"We want to improve further, from 98.71 per cent to 99 per cent in 2024," she stressed.


The ministry also intends to be inclusive to all children, including those with disabilities.

In this respect, she said her ministry planned to collaborate with the One-Stop Early Intervention Centre (OSEIC) in equipping teachers, caretakers and also parents with sufficient knowledge on managing children with special needs.

Emphasising on the quality of educators, Fatimah said by 2025, all SeDidik teachers would have at least a diploma in early childhood education.

In support of KPWK's mission, she said the state government had approved an Annual Special Grant (GTK) of RM14 million, which would be used for healthy and balanced nutrition, fun learning, digitalisation of childcare and guidance, experiential learning, professional development programme for educators and caregivers, and also programmes involving parents.

"KPWK also aims to subsidise the fees for early childhood education and childcare this year."



TAJUK :	MAN WHO RAPED DAUGHTER FAILS TO REDUCE 50-YEAR JAIL TERM		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	20 JAN 2024	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man who raped daughter fails to reduce 50-year jail term

PUTRAJAYA: A man who committed incest with his 14-year-old daughter failed to get his 50-year jail term reduced by the Court of Appeal.

A three-member bench comprising Court of Appeal judges Justices Vazeer Alam Mydin Meera and Azmi Ariffin, and High Court judge Justice Noordin Badaruddin, however, allowed the 45-year-old man's appeal to reduce his 20-stroke whipping sentence imposed by the Sessions

Court to 10 strokes.

In dismissing the man's appeal for a reduction of his jail sentence, Justice Vazeer said the 25-year jail term imposed on the man on two charges was not manifestly excessive, taking into account the relationship between him and the victim, his biological child.

He said the victim should have been taken care of by the father and not subjected to rape.

On Aug 19, 2022, the Sessions

Court found the man guilty of two charges of committing incest with the girl at a house in Klang, Selangor.

He was convicted of raping his daughter on April 8, 2019 and April 16, 2019.

He was sentenced to 25 years in jail and 10 strokes of the rotan for each charge. He was also ordered to serve the jail sentences consecutively.

The man appealed, but it was dismissed by the High Court on

March 6 last year, Bernama reported.

Meanwhile, the same three-judge panel also affirmed the 15-year jail sentence and one stroke of the rotan imposed on a farmer in Kelantan for raping his daughter, who was born out of wedlock, after ruling that the jail sentence was not manifestly excessive.

Justice Vazeer, in delivering the court's decision, said the victim was still the man's biological

daughter, although she was born out of wedlock.

On April 14, 2022, the 51-year-old man was sentenced to 15 years in jail and one stroke of the cane by the Sessions Court after he pleaded guilty to raping the girl in a room of a house in Pasir Puteh, Kelantan, on March 24, 2022.

Unhappy with the jail sentence, he appealed to the High Court, but it was dismissed on Feb 9 last year.



TAJUK : [TEACHER DENIES MOLESTING SCHOOLGIRL](#)

HARI : [SABTU](#)

AKHBAR : [THE STAR](#)

TARIKH : [20 JAN 2024](#)

M/SURAT : [06](#)

TONE : [NEGATIF](#)

SEKTOR : [KPWKM](#)

Teacher denies molesting schoolgirl

By **RSN MURALI**
murali@thestar.com.my

ALOR GAJAH: A 42-year-old teacher has pleaded not guilty in the Sessions Court here to a charge of outraging the modesty of his pupil in a classroom.

The accused's plea was recorded before judge Nariman Badruddin yesterday.


Based on the charge sheet, the accused had allegedly outraged the modesty of the 11-year-old by caressing her private parts during class.

The teacher has allegedly committed the offence at a primary school at 10am on May 26, 2022.

The charge was framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a jail term of up to 20 years and whipping, upon conviction.

The accused, who has since been transferred out from the school, was represented by lawyer S. Karthigesan. Deputy public prosecutor Anis Najwa Nazari prosecuted.

The court granted the accused bail of RM8,000 in one surety and fixed the next mention for Feb 28.



TAJUK :	WOMAN WANTS STALKER TO LEAVE HER ALONE		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	20 JAN 2024	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Woman wants stalker to leave her alone

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: There are victims of stalking who still face hurdles in bringing perpetrators to justice, despite a new law making it an offence since May last year.

One of them is businesswoman Afifah Roslan, 30, who has been harassed by a former employee since December 2021.

This despite having lodged two police reports against the stalker and having pleaded with the cops to act.

"The police said they could not take action because they had not found any element of a crime or threat," said Afifah.

"The police had only given him a warning after my second report made in August 2023.

"But he has not learnt his lesson

and continued to stalk me this year," she said when contacted.

It all started in December 2021, when the man texted her to ask her to meet him.

Afifah, who is single, never felt comfortable with the man, so she did not reciprocate and would often divert all correspondence with him to her business partner.

In February 2022, he suddenly resigned without notice and the next month, he started calling and texting her phone as well as creating numerous accounts to follow her on social media.

In his messages, he asked her why she did not look for him after he left, declared his feelings for her, and begged her to meet him.

Afifah blocked his number and all his social media accounts, but he still continued trying different

ways to reach her.

In May 2022, she filed her first police report after a voicemail from the man, saying, "I have to go and see you. Whatever happens, happens," left her shaken to the core.

The harassment continued and in August 2023, Afifah filed her second police report after he texted her company's phone number to beg her staff to help get Afifah to speak to him, saying that he was "going crazy and could not control himself" as he was so upset.

Following Afifah's action, the man stopped contacting her but in January this year, he started following her business and personal social media accounts through various new accounts.

She said the stalker has taken away her freedom.

"To be honest, I feel very unsafe

leaving the house. That feeling of fear resurfaced when he reappeared in my life.

"I feel his presence everywhere. I feel uncomfortable and very cautious when using social media.

"I feel very disturbed because I run a business that requires me to use social media for promotional purposes. And he knows everything about my business.

"It is difficult for me to run a promotion if I have a private account," she said.

Afifah hopes the authorities could look into her case as she has experienced living under the fear and stress of stalking for years.

"I want him to be subjected to action based on all the suffering and fear I went through.


"I really hope that the authorities can act soon so that he stops disturbing me," she said.

On Wednesday, a man who had stalked a woman over a span of eight years in a separate case was acquitted and discharged by a Magistrate's Court here.

However, Mohamad Safiq Rosli, 37, who had stalked photographer Acacia Mardiana Daud, 31, was ordered to be held at Hospital Bahagia Ulu Kinta in Perak at the pleasure of the Sultan of Selangor.

This means that Mohamad Safiq could be held indefinitely at the mental healthcare facility until an application is made to seek the Selangor Ruler's consent for his release.

Had he been punished under the newly crafted Section 507A (1) of the Penal Code, under which he was charged, Mohamad Safiq would have faced a jail term not exceeding three years, a fine or both.



TAJUK : BAYI LELAKI DIJUMPAI DALAM SEMAK DI KM1 JALAN BUKIT JAYONG, BELAGA

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi lelaki dijumpai dalam semak di KM1 Jalan Bukit Jayong, Belaga

BINTULU: Seorang bayi lelaki yang masih bernyawa telah ditemui orang awam di kawasan semak tepi jalan di Kilometer 1 Jalan Bukit Jayong, Belaga dalam kejadian pada Selasa.

Ketua Polis Daerah Belaga DSP Jimbai Bala berkata, polis dimaklumkan mengenai penemuan bayi yang dibalut dengan kain tersebut oleh orang awam pada jam 4 petang.

Katanya, susulan maklumat itu, polis bergegas ke tempat

kejadian dan mendapati bayi yang ditemui itu masih dalam keadaan bernyawa.

“Bayi tersebut dibawa ke Klinik Kesihatan Belaga untuk pemeriksaan kesihatan,” katanya dalam kenyataan di sini kelmarin.

Beliau berkata, berdasarkan pemeriksaan perubatan, bayi lelaki seberat 2.9 kilogram (kg) itu dipercayai baru dilahirkan kurang dari 24 jam sebelum ditemui dalam keadaan sihat.

Katanya, bayi tersebut

telah dirujuk ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut dan ditempatkan di Unit Penjagaan Khas Bayi bagi tujuan pemantauan sebelum diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut.

Pada masa sama, beliau meminta masyarakat untuk membantu polis dalam siasatan kes penemuan bayi tersebut.

“Kita telah membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 317

Kanun Keseksaan yang mana sabit kesalahan boleh dihukum penjara tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali,” tegasnya.

Justeru katanya, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai penemuan bayi tersebut untuk menghubungi Ibu Pejabat Daerah Polis Belaga di talian 086-461318 atau pegawai penyiasat kes Inspektor Junior Majulai di talian 010-9432942.



TAJUK : KELAB LIONS ANJUR PROJEK KANSER KANAK-KANAK DI HOSPITAL SIBU

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 JAN 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kelab Lions anjur Projek Kanser Kanak-Kanak di Hospital SibU

SIBU: Kelab Lions Antarabangsa Daerah 308-A2 menganjurkan Projek Kanser Kanak-Kanak di Hospital SibU, semalam.

Gabenor Daerah Kapitan Ronny Hiew berkata, program itu merupakan satu inisiatif kelab untuk menyampaikan kasih sayang mereka terhadap kanak-kanak pesakit kanser.

“Program hari ini (semalam) merupakan sebahagian projek Ekspedisi Lions in Action 2024 anjuran Kelab Lions Antarabangsa Daerah 308-A2 untuk tahun ini.

“Objektif projek ialah memberikhidmat masyarakat dan meningkatkan semangat keprihatinan dalam kalangan ahli Lions.

“Ekspedisi Lions in Action ini memperluaskan komitmen Lions kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan,” ujarnya ketika merasmikan Projek Kanser



PRIHATIN: Hiew (duduk barisan pertama, empat kiri), Dr Nanthakumar (duduk barisan pertama, tiga kanan) bersama yang lain merakamkan kenangan pada projek Ekspedisi Lions in Action di Hospital SibU, semalam.

Kanak-Kanak di Dewan Rejang Hospital SibU.

Menurutnya, projek itu juga merangkumi projek lukisan mural, lukisan koridor, penyerahan kipas siling, sofa, buku cerita, permainan papan, peti mainan, kipas angin berdiri, pemanas air elektrik, cerek air elektrik dan rak buku.

Justeru, Hiew memuji ahli


Kelab Lions atas keprihatinan dan kesetiaan mereka dalam memberi khidmat masyarakat terutama pesakit-pesakit di Hospital SibU.

“Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada pentadbir dan kakitangan hospital atas kerjasama dengan Lions.

“Dedikasi anda dalam

memberi khidmat masyarakat benar-benar memotivasikan kami untuk terus memberikan yang terbaik kepada masyarakat,” jelasnya.

Turut hadir ialah Pengarah Hospital SibU Dr Nanthakumar Thirunavukkarasu, bekas Gabenor Daerah Antarabangsa Lions 308-A2 Kapitan Connie Loh dan Datuk Betty Wong.



TAJUK :	PANG: KERAJAAN SARAWAK LULUS PERUNTUKAN BAIKI BUMBUNG RUMAH ROSAK DIBADAI RIBUT DI BINTULU		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	20 JAN 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Pang: Kerajaan Sarawak lulus peruntukan baiki bumbung rumah rosak dibadai ribut di Bintulu

BINTULU: Kerajaan Sarawak meluluskan peruntukan bagi memperbaiki bumbung flat kediaman di Iris Garden yang rosak akibat dilanda ribut kuat petang kelmarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu Johnny Pang Leong Ming dalam kenyataannya semasa melawat mangsa yang ditempatkan di Pusat Perindahan Sementara (PPS) Dewan Assyakirin semalam berkata, belanjawan bagi memperbaiki bumbung terbabit telah diluluskan serta-merta oleh kerajaan Sarawak.

"Ia merupakan langkah drastik kerajaan bagi membantu mangsa terjejas pada masa sekarang," ujarnya.

Buat masa ini katanya, pegawai berkaitan sedang

menjalankan pemeriksaan ke atas kediaman yang terjejas bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang dapat disalurkan kepada mereka.

Bantuan memperbaiki bumbung rumah itu turut merangkumi tiga rumah di Pine Court yang bumbung kediaman mereka turut mengalami kerosakan akibat dihempap pokok.

Justeru, beliau berharap semua pihak terutama mangsa terjejas agar bersabar dengan musibah yang berlaku kerana kerajaan akan menyalurkan bantuan sewajarnya bagi meringkankan beban yang ditanggung oleh semua mangsa.

"Apa yang penting ialah semua pihak harus saling membantu antara satu sama lain bagi memudahkan semua urusan bantuan," ujarnya.



PRIHATIN: Pang semasa melawat mangsa ribut kuat yang ditempatkan di PPS Dewan Assyakirin semalam.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bintulu Jessica Kemarau ketika ditemui Utusan Borneo

berkata, buat masa sekarang sebanyak 27 mangsa daripada lapan keluarga ditempatkan di PPS Dewan Assyakirin.


Kesemua mangsa ujarnya, diberikan bantuan sewajarnya



JESSICA

termasuk pemeriksaan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta bantuan lain demi keselesaan mereka.

"Secara amnya, kebanyakan mangsa yang tinggal di PPS ialah kanak-kanak dan warga emas kerana kebanyakan ahli keluarga mereka keluar bekerja di siang hari," tambah beliau.



TAJUK :	SARAWAK SASAR 99 PERATUS KANAK-KANAK DAPAT AKSES PENDIDIKAN AWAL TAHUN INI		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	20 JAN 2024	M/SURAT :	01&02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Sarawak sasar 99 peratus kanak-kanak dapat akses pendidikan awal tahun ini



MESYUARAT: Fatimah (empat kiri) mempengerusikan Mesyuarat MPAKS, semalam. Turut kelihatan, Rosey (tiga kiri) dan Noriah (lima kiri).

KUCHING: Sarawak menyasarkan 99 peratus kanak-kanak di negeri ini mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak tahun ini sebelum melangkah ke alam persekolahan formal. Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datu Sri Fatimah Abdullah berkata tahun lepas, 98.71 peratus kanak-kanak yang memasuki Tahun 1 Sesi 2023/2024 mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak. Ini katanya, adalah satu

pencapaian yang bagus untuk Sarawak berbanding peringkat kebangsaan iaitu 88.81 peratus. "Kita mahu meningkatkan lagi akses kepada pendidikan awal kanak-kanak daripada 98.71 peratus kepada 99 peratus tahun ini. "Bagi tujuan itu, satu jawatankuasa khas akan meneliti di mana yang masih kurang atau perlukan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak supaya kita dapat tingkatkan kepada 99 peratus tahun ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Awal Kanak-Kanak Sarawak (MPAKS) di pejabatnya di Tingkat 8, Bangunan Baitulmakmur II di sini, semalam. Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus dan Setiausaha Tetap Kementerian Noriah Ahmad. Ujar Fatimah lagi, sasaran Sarawak adalah 100 peratus

kanak-kanak di negeri ini mengikuti pendidikan awal kanak-kanak pada 2030. Bagi mencapai sasaran itu katanya, MPAKS bekerjasama dengan agensi-agensi seperti SeDidik Sdn Bhd, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) dan Persatuan Pengusaha Tadika (AKO) bagi meningkatkan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini.




Sarawak sasar 99 peratus kanak-kanak dapat akses pendidikan awal tahun ini

Dari Muka 1

Setakat 27 Disember 2023 katanya, terdapat sebanyak 3,033 Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IPAKK) di seluruh Sarawak, di mana 2,801 daripadanya adalah tadika dan 232 adalah taska. Fatimah yang juga Pengerusi MPAKS turut berkata, kementerian tahun ini akan terus memperkasa-

kan program pendidikan awal kanak-kanak sedia ada, selain memperkenalkan program-program baharu. Katanya, antara yang ditekankan tahun ini ialah pembentukan watak dan sahsiah kanak-kanak melalui program seperti Bersih Awal Bersih Akhir (BaBa) yang diilhamkan daripada amalan OSOJI di Jepun. Di bawah program itu ka-

tunya, kanak-kanak diajar un-
tuk memastikan ruang aktiviti atau pembelajaran bersih dan kemas sebelum dan selepas aktiviti dijalankan. "Kitajuga akan menekankan kepada 'experiential learning' di IPAKK, di mana kanak-kanak didedahkan kepada penerokaan pengalaman melalui aktiviti-aktiviti luar seperti lawatan untuk mereka belajar daripada situasi kehidupan sebenar," katanya.



TAJUK :	SUBSIDI RM1,000 SETAHUN BAGI YURAN ASUHAN, PENDIDIKAN AWAL		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	20 JAN 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Subsidi RM1,000 setahun bagi yuran asuhan, pendidikan awal

Isi rumah RM7,000 dan ke bawah layak memohon, kata Fatimah

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Kerajaan Sarawak menyediakan subsidi yuran pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak sebanyak RM1,000 setahun bagi membantu meringankan beban ibu bapa di negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, isi rumah berpendapatan RM7,000 dan ke bawah layak memohon subsidi itu bagi setiap anak-anak yang dihantar ke institusi pendidikan awal kanak-kanak (IPAKK) berbayar dan berdaftar di bawah kementerian.

“Bagi ibu bapa yang menghantar anak-anak ke IPAKK berbayar mereka boleh memohon subsidi ini dengan kadar RM1,000 bagi setiap kanak-kanak.

“Permohonan boleh dibuat bermula 11 Mac hingga 1 April ini secara dalam talian,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Awal Kanak-Kanak Sarawak (MPAKS) di pejabatnya di Tingkat 8, Bangunan Baitulmakmur II di sini, semalam.

Hadir sama Timbalannya Datuk Rosey Yunus dan Setiausaha Tetap kementerianya Noriah Ahmad.

Selain subsidi yuran pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak, kerajaan Sarawak kata Fatimah turut meneruskan inisiatif Geran



SELESAI MESYUARAT: Fatimah (duduk, tengah), Rosey (duduk, empat kiri), Noriah (duduk, empat kanan) merakamkan kenangan bersama ahli MPAKS yang hadir pada mesyuarat semalam.

“Bagi ibu bapa yang menghantar anak-anak ke IPAKK berbayar mereka boleh memohon subsidi ini dengan kadar RM1,000 bagi setiap kanak-kanak. Permohonan boleh dibuat bermula 11 Mac hingga 1 April ini secara dalam talian.”

Dato Sri Fatimah Abdullah
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Tahunan Khas (GTK) tahun ini kepada pengusaha IPAKK berdaftar.

Katanya, sejumlah RM14 juta diperuntukkan kerajaan Sarawak bagi inisiatif GTK tahun ini dengan setiap IPAKK berdaftar akan menerima RM5,000.

“Geran ini adalah untuk membantu pihak pengusaha IPAKK berdaftar meningkatkan kualiti perkhidmatan asuhan,

bimbingan dan didikan awal kanak-kanak mereka dari segi pemakanan yang sihat dan seimbang, pembelajaran yang menyeronokkan.

“Selain itu, geran ini juga boleh digunakan bagi tujuan program pembangunan profesionalisme pendidik atau pengasuh di IPAKK berdaftar selain program melibatkan ibu bapa,” katanya.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan kualiti

pendidikan awal kanak-kanak, semua pendidik dan pengasuh di bawah SeDidik Sdn Bhd, milik kerajaan negeri wajib memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak pada tahun 2025.

Setakat ini katanya, hanya 6.75 peratus pendidik dan pengasuh SeDidik masih belum memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di lima Tadika Penan dan masih mengikuti kursus serta dijangka tamat pengajian pada 2025.

Fatimah turut menggalakkan pendidik dan pengasuh di IPAKK swasta untuk melengkap diri dengan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak seperti di IPAKK kerajaan.

Mesyuarat semalam turut menetapkan Konvensyen Antarabangsa Prasekolah akan diadakan dari 20 hingga 29 September 2024 bertemakan ‘Inclusivity.’